

29 JUN 2001

UM-Kebakaran

KEBAKARAN DEWAN TUNKU CANSELOR MUNGKIN PERBUATAN KHIANAT

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Naib Canselor Universiti Malaya (UM) Profesor Datuk Dr Anuar Zaini Md Zain tidak menolak kemungkinan insiden kebakaran Dewan Tunku Canselor universiti itu di sini awal pagi ini berpunca daripada perbuatan khianat.

Beliau tidak menolak wujud unsur perbuatan sabotaj pihak dalaman (pelajar) atau pihak luar dalam kejadian itu.

Dr Anuar Zaini juga tidak menolak kemungkinan kebakaran itu berpunca daripada litar pintas.

"Masih terlalu awal untuk menyatakan demikian (dengan pasti). Kita serahkan pada pihak berkuasa seperti polis, bomba dan Jabatan Kimia yang sedang menyiasat hal ini," katanya.

Katanya unsur perbuatan khianat tidak boleh ditolak kerana pada masa yang sama, terdapat risalah yang disebarkan termasuk melalui Internet supaya para pelajar memboikot kedatangan pemimpin tertentu ke universiti berkenaan.

Beliau berkata kerugian dianggarkan RM12.4 juta dan kerugian paling besar adalah daripada sudut sejarah memandangkan dewan itu "menjadi medan graduasi 80,000 pelajar termasuk pemimpin negara."

Turut musnah ialah 1,800 pasang jubah akademik, alat pandang dengar dan kerusi yang akan menempatkan 3,000 pelajar yang akan menghadiri Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa Di Alaf Baru selama dua hari yang dijadual diadakan di dewan berkenaan mulai esok.

Dr Anuar Zaini berkata kebakaran yang bermula di pintu masuk sebelah kiri itu memusnahkan keseluruhan dewan dan pada masa ini, dewan berkenaan tidak boleh digunakan langsung untuk semua majlis termasuk simposium dan konvokesyen pada Ogos ini.

Simposium membabitkan wakil 15 institusi pengajian tinggi awam dan swasta dari seluruh negara itu dijadual dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan majlis penutupnya akan dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Ahad ini.

"Simposium yang penting untuk warga kampus itu tidak akan dibatalkan dan akan diadakan di Auditorium Perdana Siswa yang boleh memuatkan 1,200 orang," katanya.

Majlis konvokesyen pula akan diadakan di tempat lain dan sebarang perkembangan terbaru mengenainya akan diberitahu kelak, katanya.

Penganjur bersama simposium berkenaan, Yayasan Penggerak Wawasan menuntut siasatan menyeluruh diadakan berhubung kejadian itu dan mereka yang bertanggungjawab perlu dibawa ke muka pengadilan.

Bercakap pada sidang berita yang sama, pengerusinya Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik berkata pihaknya mengesyaki kebakaran itu mempunyai unsur elemen konspirasi bertujuan mengagalkan simposium itu.

Sementara itu, Ketua Penaja Puteri Umno, Azalina Othman Said telah menyerahkan satu memorandum kepada Dr Anuar Zaini meminta naib canselor UM itu meletak jawatan serta-merta sebagai tanda bertanggungjawab sepenuhnya berhubung beberapa kejadian melibatkan universiti itu.

Menurut memorandum itu, selain daripada kebakaran berkenaan, penerbitan majalah Varsiti 2001 yang dikatakan mengandungi artikel pro-pembangkang dan pengedaran risalah yang menghina Dr Mahathir telah turut mencemarkan reputasi UM.

Dr Anuar Zaini berkata isu penerbitan Varsiti 2001 telah diserahkan kepada polis untuk disiasat.

"Dalam masa yang sama kita telah menubuhkan jawatankuasa penyiasat khas yang dianggotai oleh pegawai kanan UM untuk menyiasat perkara ini," tambahnya.

-- BERNAMA
SHI MAM MOZ